

Tiga juta pokok di bawah projek RELeaf



Juan Aranols (tengah) bersama barisan kepimpinan dan sukarelawan Nestlé meraikan kejayaan penutup Project RELeaf dengan mencapai sasaran penanaman tiga juta pokok di seluruh negara.

KUALA LUMPUR - Nestlé Malaysia berjaya menanam sebanyak 3 juta pokok di seluruh negara sejak 2021 meliputi kawasan seluas kira-kira 1,650 hektar di bawah Projek RELeaf.

Pencapaian itu menjadikan inisiatif berkenaan sebagai program penanaman semula hutan sektor swasta terbesar di Malaysia, sekali gus kukuhkan komitmen syarikat pulihkan ekosistem hutan dan menyokong usaha kerajaan menerusi inisiatif Menghijaukan Malaysia: Penanaman 100 Juta Pokok.

Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé Malaysia, Juan Aranols berkata, pencapaian tersebut mencerminkan peranan penting sektor korporat dalam melindungi alam sekitar demi kelangsungan generasi akan datang.

"Projek RELeaf merupakan detik yang

amat membanggakan dalam perjalanan ESG kami. Walaupun Malaysia mempunyai lebih 54 peratus keluasan hutan, usaha pemuliharaan dan pemulihan perlu diteruskan secara berterusan," katanya dalam satu kenyataan.

Ujarnya, bagi mengekalkan momentum tersebut, Nestlé Malaysia akan melancarkan fasa seterusnya projek penanaman semula hutan dengan sasaran menanam 3 juta lagi pokok dalam tempoh lima tahun akan datang.

Projek RELeaf dilaksanakan menerusi kerjasama strategik dengan Jabatan Perhutanan, Jabatan Hidupan Liar Sabah, Persatuan Pencinta Alam Malaysia serta rakan industri perladangan termasuk SD Guthrie, TDM Plantation, IOI Plantation, Sabah Softwoods, Sawit Kinabalu dan Ikhasas.